

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

: BERTULIS

DARIPADA

**: DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH**

KAWASAN

: KALABAKAN

TARIKH

: 04.04.2016 (Isnin)

NO. SOALAN

: 164

minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah ada jaminan pihak berkuasa tertinggi TPPA yang terlibat, bahawa tidak akan ada pengkajian semula, pada kandungan perjanjian berkenaan yang boleh melibatkan pengguguran peruntukan-peruntukan keistimewaan khusus yang disyaratkan oleh Malaysia, di masa-masa akan datang

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

2. Sepertimana tersedia maklum, mesyuarat Menteri-Menteri Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) di Atlanta, Amerika Syarikat dari 30 September hingga 5 Oktober 2015 telah berjaya menyelesaikan semua isu-isu tertunggak dan seterusnya berjaya memuktamadkan Perjanjian TPPA. Setelah Parlimen mempersetujui keanggotaan Malaysia ke TPPA, Malaysia telah menandatangai TPPA pada 4 Februari 2016 di Auckland, New Zealand.
3. Dalam rundingan TPPA Malaysia telah memastikan agar terma perjanjian adalah selari dengan mandat yang diberi oleh Jemaah Menteri dan dapat memelihara kepentingan negara, terutama pelaksanaan dasar berkaitan dengan tanah & harta tanah, bumiputera, perolehan kerajaan, syarikat hak milik kerajaan (SOE). Malaysia telah berjaya mempertahankan isu yang sensitif dan mendapat pengecualian yang berterusan.
4. Dalam hal ini Kerajaan telah berjaya mendapat melindungi kepentingan seperti berikut:
 - i. flexibiliti bagi melaksanakan dasar bumiputera, dalam bab perolehan dan syarikat hak milik kerajaan (SOE), samada melalui tempoh transisi yang panjang, ambang nilai perolehan yang tinggi

serta pengecualian beberapa entiti dari obligasi kedua-dua bab tersebut.

- ii. pembekal dan pengeluar Bumiputera akan terus menikmati keutamaan harga bagi perolehan barang dan perkhidmatan di bawah bab perolehan. Disamping itu, 30 peratus dari perolehan diperuntukkan untuk kontraktor Bumiputera dalam Sektor Pembinaan.
 - iii. bumiputera, termasuk PKS diberi keutamaan di bawah bab SOE, sehingga 40% dari peruntukan pembelian tahunan SOE.
 - iv. Dasar bumiputera dipelihara bagi sektor sensitif seperti tanah dan perdagangan pengedaran untuk runcit dan borong dimana 30% ekuiti dikhaskan untuk bumiputera dikekalkan. Disamping itu, Kerajaan berhak untuk memberi subsidi kepada peniaga bumiputera, serta pengeluaran lesen khusus bagi peniaga bumiputera.
5. Peruntukan ini adalah khusus kepada Malaysia dan akan kekal di dalam perjanjian TPPA dan tidak akan digugurkan pada masa hadapan selepas TPPA ini berkuatkuasa. Sebarang perubahan kepada peruntukan TPPA selepas ratifikasi TPPA perlu mendapat persetujuan semua ahli TPPA, termasuk Malaysia. Dalam hal ini sekiranya Malaysia masih memerlukan fleksibiliti yang telah diperolehi, maka Malaysia akan terus memastikan agar fleksibiliti tersebut dikekalkan.